

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH (LENGGONG)**

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah kebenaran dakwaan bahawa Syarikat Boustead milik Lembaga Tabung Angkatan Tentera di dalam proses untuk menjual pegangannya di dalam Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd (BPM) yang mengendalikan operasi syarikat BHPetrol.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Boustead Holdings Berhad iaitu anak syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dengan pegangan 59.45% ekuiti merupakan syarikat konglomerat yang melabur di dalam pelbagai sektor ekonomi di Malaysia. Antara pelaburan tersebut adalah di dalam Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd (BPM), iaitu sebuah syarikat yang menjual secara runcit bahan api petrol, diesel, gas LPG dan minyak pelincir. BPM sehingga kini mempunyai 386 buah stesen minyak di seluruh Malaysia. Pemegang saham syarikat BPM adalah Boustead Petroleum Sdn Bhd dengan pegangan 70% ekuiti, manakala LTAT pula memegang baki 30% ekuiti.

Boustead Holdings sentiasa meninjau peluang-peluang untuk menjana keuntungan maksimum bagi memberi pulangan pelaburan yang terbaik kepada pemegang sahamnya termasuk LTAT. Pada masa ini, BPM merupakan penyumbang utama kepada Boustead Holdings dan masih memberi pulangan yang baik kepada pemegang sahamnya. Buat masa ini, Lembaga Pengarah Boustead Holdings tidak bercadang untuk menjual BPM kepada mana-mana pihak.